

LAPORAN KHAS TERAJU 2016

FACILITATION FUND OUTREACH

Sani United Berhad

Ditubuhkan pada 30 Ogos 2003, Sani United Berhad (SUB) merupakan sebuah syarikat milik penuh bumiputera yang asalnya memberi tumpuan kepada industri pengangkutan. Berikutnya penyusunan semula syarikat tersebut pada April 2009, SUB telah mengembangkan perniagaannya dalam industri hospitaliti, minyak & gas, dan harta tanah dan pembangunan, demi memenuhi permintaan pasaran bagi pelbagai aktiviti ekonomi.

“Sebagai syarikat induk, SUB menyokong gabungan anak-anak syarikat kami dengan pembiayaan, operasi pengurusan perniagaan dan kawalan aktiviti. Pengalaman yang luas dalam industri servis memberi keyakinan kepada SUB untuk membina kejayaan yang berterusan,” kata Md Yusri Che Romli, Ketua Pegawai Eksekutif Sani United.

Selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menyediakan akses kepada pengangkutan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan, TERAJU memberi RM3.58 juta Dana Mudahcara kepada SUB untuk memperluaskan laluan bas semasa syarikat tersebut dengan menambah 25 bas dua tingkat. Peningkatan dalam bilangan bas dan penambahan laluan adalah sebahagian daripada strategi ke arah penambahbaikan kapasiti dan sambungan pengangkutan awam.

Dua puluh lima unit baru bas mewah yang diperkenalkan oleh SUB dapat menambah jumlah perjalanan yang dibuat di sepanjang laluan yang sedia ada, selaras dengan permintaan pengguna. Bas ekspres dua tingkat yang mempunyai 48 kerusi super VIP 2 + 1 dan berhawa dingin ini akan menawarkan perkhidmatan yang lebih selesa dan berbaloi kepada para penumpang, terutamanya untuk perjalanan jauh.

“SUB akan memastikan bahawa bas-bas ini menjalani pemeriksaan berkala agar bas-bas tersebut sentiasa dalam keadaan yang terbaik demi keselamatan penumpang,” jelas Md Yusri.

Peningkatan bekalan bas-bas SUB yang dibiayai oleh Dana Mudahcara akan menyumbang ke arah peningkatan kapasiti pengangkutan awam dan sambungan. Ini adalah sebahagian daripada usaha TERAJU untuk menyumbang ke arah pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu menyediakan pengangkutan yang mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Pendekatan ini termasuk meningkatkan kesalinghubungan antara pelbagai mod pengangkutan dan wilayah melalui sambungan yang lebih luas, mempromosikan pengangkutan awam di kawasan bandar dan luar bandar, dan mengoptimumkan perancangan pengangkutan. Satu lagi pertimbangan penting adalah meningkatkan keselamatan, kecekapan dan tahap perkhidmatan operasi pengangkutan.

SUB telah dipilih untuk menerima Dana Mudahcara memandangkan strategi mereka untuk menyediakan lebih banyak bas memberi nilai yang strategik ke arah meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan di kalangan pengendali pengangkutan Bumiputera.

SMR Aquaculture Sdn. Bhd.

SMR Aquaculture Sdn Bhd (SMRA) merupakan sebuah syarikat yang menjadi perintis di Sabah dalam bidang pertanian bersepadu untuk menghasilkan bekalan makanan organik berskala besar dan menggunakan model perniagaan serampang tiga mata dalam akuakultur, pertanian hidroponik dan pengeluaran tenaga solar.

SMRA telah menerima geran sebanyak RM2.64 juta menerusi Dana Mudahcara untuk membiayai projek PV Solar dan Ladang Akuaponiknya yang terletak di Kampung Sungai Kalumpang, Tawau, berdekatan dengan tempat peranginan miliknya – Sipadan Mangrove Resort.

“Selain mewujudkan pendapatan melalui akuakultur, pertanian hidroponik dan pengeluaran tenaga solar, projek ini yang bernilai RM48.35 juta juga akan merangsang industri pelancongan Sabah dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan di Tawau. Selain itu, ia juga memenuhi tanggungjawab sosial syarikat tersebut dalam pemeliharaan alam sekitar,” jelas John Nip.

“Projek Ladang Solar PV merupakan salah satu inisiatif SMRA untuk menambahbaik sambungan grid elektrik konvensional dengan menggunakan solar sebagai sumber tenaga untuk sistem pertanian organiknya. Matlamatnya adalah untuk menyumbang dalam pemeliharaan alam sekitar dengan mengurangkan pelepasan karbon. Di samping itu, SMRA juga bekerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah dan pihak berkuasa tempatan untuk menawarkan pekerjaan alternatif dan menyediakan latihan kepada para nelayan tempatan untuk menjadi tukang perahu dan penyelam untuk membantu dalam pemuliharaan batu karang,” tambah beliau.

Tenaga solar alternatif dari projek ini adalah sebahagian daripada program *Feed-in-Tariff* di bawah Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia. SMRA menerima purata bulanan pendapatan di antara RM140,000 hingga RM170,000 daripada Sabah Electricity Sdn Bhd melalui penjanaan tenaga solar PV.

John berkata bagi mempergiatkan lagi aktiviti perniagaan ladang tersebut, SMRA telah bekerjasama dengan pelabur dari China untuk memelihara ikan, tiram dan udang menerusi perjanjian yang berpotensi untuk mengaut keuntungan lebih daripada USD5 juta. Bagi perniagaan tenaga solar pula, SMRA sedang berunding dengan pelabur tenaga Biomass.

Selain itu, pendapatan yang dijana daripada model perniagaan bersepadu menerusi pembekalan produk segar seperti halia, kerapu hibrid ladang baka dan udang juga dapat menyokong PV Solar dan Ladang Akuaponik SMRA.

“SMRA juga merancang untuk menjemput kampung-kampung tempatan untuk menujuhkan 15 kedai-kedai berdekatan dengan tempat peranginannya untuk menjual buah-buahan, makanan dan kraftangan kepada pelancong. Inisiatif ini dijangka akan menyumbangkan pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM8,000 kepada setiap kedai,” jelas John.

Rancangan SMRA yang lain termasuk menubuhkan sebuah Pusat Pendidikan untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan pertanian organik dan kesihatan umum, serta membina jeti yang besar untuk menawarkan perkhidmatan feri yang lebih laju ke Mabul, Semporna dan Sipadan untuk menarik lebih ramai pelancong ke tempat peranginannya.

Inisiatif oleh SMRA adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk menyampaikan projek berimpak tinggi dalam industri ekopelancongan dan pertanian mampan, serta melibatkan semua lapisan masyarakat menerusi penawaran peluang pekerjaan, perniagaan kecil, peluang pelancongan serta perlindungan alam sekitar.

...

Citra Upaya Sdn. Bhd.

Syarikat Citra Upaya Sdn Bhd yang ditubuhkan pada 15 Februari 2012 merupakan sebuah syarikat pemaju Bumiputera yang dimiliki sepenuhnya oleh Aturan Prisma Sdn Bhd. Ia adalah kontraktor pembangunan di bawah PKK Kategori A dan Kategori G7 dengan CIDB. Syarikat tersebut telah dianugerahkan sijil ISO 9001: 2008 dan telah berjaya menyiapkan pelbagai projek pembangunan di Malaysia.

Misi syarikat tersebut adalah menyokong inovasi baru dalam sistem pembinaan dan teknologi pembinaan selain menyiapkan projek perumahan tepat pada masanya dengan mutu kerja yang berkualiti.

“Citra Upaya Sdn. Bhd. telah melantik para profesional pembangunan dan pembinaan hartaanah yang berkelayakan tinggi untuk mengetuai pembangunan perniagaan dan projek kami, serta menguruskan kerja-kerja syarikat untuk mencapai kualiti yang baik,” jelas Pengarah Urusannya Dato’ Abdul Rahman Harun.

Pada 19 Mei 2016, TERAJU mengumumkan penyiapan projek pangaspuri mampu milik, Taman Puncak Rasah Seremban, iaitu sebuah projek di bawah Citra Upaya Sdn Bhd, di Mukim Rasah, Seremban.

Dato’ Abdul Rahman berkata projek pembangunan pada 4.8 ekar Tanah Rizab Melayu tersebut terdiri daripada 194 unit pangaspuri lima tingkat dengan setiap bersaiz 816 kaki persegi.

“Matlamat kami adalah untuk memberi peluang kepada golongan Melayu yang baru mula bekerja dan berpendapatan sederhana untuk memiliki rumah pertama mereka,” jelas Dato’ Abdul Rahman.

Jumlah kos bagi projek tersebut berjumlah RM23.5 juta dan telah siap dibina pada akhir tahun 2015. Harga jualan setiap unit adalah antara RM186,800 dan RM199,800.

Dato’ Abdul Rahman juga menjelaskan bahawa harga tersebut adalah lebih rendah berbanding dengan harga purata pasaran.

“Rumah-rumah tersebut dijual dengan agak cepat dan semua unit habis dijual dalam tempoh 28 bulan selepas ia dilancarkan pada bulan Oktober 2015,” tambahnya.

Taman Puncak Rasah Seremban dibina dengan tujuan menyediakan perumahan mampu milik. Oleh itu, ia menawarkan pelbagai manfaat kepada pemilik rumah/pembeli, seperti diskaun 9%, yuran undang-undang & SPA diketepikan, 1% bayaran pendahuluan dan rebat tunai sebanyak RM10,000 untuk kerja-kerja pengubahsuaian rumah. Projek ini juga selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas untuk meningkatkan pemilikan rumah di kalangan Bumiputera.

Citra Upaya Sdn. Bhd. telah menerima RM2.21 juta daripada Dana Mudahcara TERAJU. Insentif yang diterima melalui Dana Mudahcara membolehkan projek tersebut dilaksana dengan sempurna dan berjaya diselesaikan.

Ini juga bermakna secara keseluruhannya kos pembangunan projek dapat dikurangkan dan ia seterusnya memberi manfaat kepada pembeli rumah menerusi harga harta tanah yang lebih rendah dan berpatutan.

...

Nilai Mahir Sdn. Bhd.

Nilai Mahir Sdn Bhd (NMSB), sebuah syarikat di bawah Kumpulan Hamodal, merupakan pemaju harta tanah Bumiputera tempatan yang berjaya memupuk kerjasama pelaburan strategik dengan Mercedes-Benz Malaysia (MBM) untuk menyediakan gudang yang berperanan sebagai pusat sehenti untuk komponen kereta *Completely Knock Down* (CKD) MBM.

“NMSB menerima RM4.76 juta Dana Mudahcara untuk membina kemudahan gudang automotif tersebut yang bernilai RM32 juta. Ia terletak di Taman Perindustrian Automotif (AIP) di Pekan, Pahang, di kawasan seluas kira-kira 180,000 kaki persegi, dan hanya tiga kilometer dari kilang pemasangan MBM,” kata Al-Meiraj Mohd Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Hamodal.

Kemudahan tersebut yang dibangunkan khas oleh NMSB untuk menyimpan komponen dan bahagian-bahagian kereta Mercedes-Benz telah dilancarkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 15 Oktober 2016.

Kumpulan Hamodal telah menjadi pelopor dalam arena penyewaan ruang perindustrian. Sebanyak 80% daripada pelanggannya adalah terdiri daripada MNC asing antarabangsa dari pelbagai industri dengan jumlah portfolio kira-kira 3 juta kaki persegi antara kemudahannya di sekitar Lembah Klang, Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Pahang.

“Bantuan yang diberikan oleh TERAJU membolehkan projek tersebut berjaya dilaksanakan memandangkan geran Dana Mudahcara yang disalurkan ke projek tersebut telah meringankan perbelanjaan modal untuk infrastrukturnya. Ini turut memberi manfaat kepada MBM dengan penjimatan struktur kos dan pengurangan overhead sewa pajakan secara keseluruhan,” jelas Al-Meiraj.

Beliau berkata bahawa usaha ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan langsung asing ke dalam negara, serta mewujudkan kelebihan daya saing berbanding negara-negara jiran kita.

“Ini terbukti dengan adanya kemudahan *Johnson Control* yang terletak bersebelahan dengan gudang Mercedes-Benz Malaysia. Dengan adanya dua blok tersebut, Kumpulan Hamodal membawa jumlah portfolio pelaburan dengan nilai pembangunan kasar RM45 juta serta nilai ekonomi dan aktiviti ke rantau ini,” kata Al-Meiraj.

“Ini menunjukkan keyakinan yang kuat dalam pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan pertumbuhan masa depannya sebagai salah satu taman automotif industri yang terbesar di Malaysia,” tambah beliau.

Di samping itu, kerjasama di antara NMSB dan MBM juga telah mewujudkan peluang kepada satu lagi syarikat Bumiputera iaitu Issagami Sdn Bhd yang telah dilantik untuk menguruskan operasi kemudahan gudang tersebut. Ini menunjukkan tahap keyakinan terhadap keupayaan kontraktor Bumiputera tempatan untuk memenuhi standard yang tinggi yang ditetapkan oleh MBM.

Projek ini dijangka akan meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam industri automotif di Wilayah Ekonomi Pantai Timur, mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan, membolehkan perniagaan tempatan meneroka peluang pasaran baru dan mewujudkan pengalaman pemindahan teknologi, serta memberi pendedahan kepada amalan perniagaan yang terbaik.

...

SUPERB

Dr. Ahmad Syahid Mohd Fadzil

Pengasas, MASA Horlogerie

MASA Horlogerie merupakan syarikat pembuat jam tangan gred Swiss Bumiputera yang pertama dan tunggal di Malaysia. Ia diasas pada tahun 2015 oleh Dr. Ahmad Syahid Mohd. Fadzil, seorang pegawai perubatan di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia.

“Saya berminat terhadap jam sejak kecil lagi dan mula mengumpul jam tangan sejak berumur 16 tahun. Penglibatan saya dengan jam tangan secara serius sudah 15 tahun, bermula dengan kelab-kelab jam tangan.

“Setelah memiliki pengalaman yang mencukupi, saya menjadi penilai sambilan. Saya akan memberi khidmat nasihat kepada mereka yang ingin membeli jam tangan dari segi nilai dan sama ada ia berbaloi untuk dibeli sebagai pelaburan,” jelas Dr. Ahmad Syahid.

“Meskipun setiap hari saya berdepan dengan jadual yang padat, saya tetap akan memperuntukkan masa untuk merekacipta jam kerana itu memang hobi saya,” tambah anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Kebanyakan jam tangan mewah yang direkacipta oleh Dr. Ahmad Syahid memaparkan motif unik tradisional Malaysia. Beliau mula terlibat secara serius dalam merekacipta jam pada tahun 2012 dan menghasilkan jam MASA pada tahun 2014. Edisi pertama dihasilkan dari bengkelnya di Swiss pada November 2015.

“Semua komponen jam kami adalah hasil buatan tangan dari Switzerland bagi mematuhi pensijilan Swiss Made. Kebanyakan bahan-bahan jam tersebut juga adalah dari sekitar Switzerland bagi menjamin kualitinya,” jelas Dr. Ahmad Syahid.

Beliau berkata kemenangannya dalam anugerah SUPERB Entrepreneurial Challange pada tahun 2014 ternyata menjadi batu loncatan kepadanya untuk memulakan perniagaannya pada 31 Ogos 2015.

Beliau memilih warisan Malaysia sebagai keunikan MASA dan berjaya menghasilkan lima model iaitu Premier Edition Statesmen7, Chronoqueen, Artitus dan dua edisi istimewa sempena Hari Kebangsaan.

Jam keluaran MASA Horlogerie berharga antara RM1,000 dan RM30,000 bergantung kepada ciri-ciri teknikal, bahan, kerumitan, kumpulan dan edisi. Kos bagi menghasilkan jam pula adalah berbeza-beza.

Jam tangan MASA Horlogerie mendapat sambutan hangat dikalangan penggemar jam tangan mewah. Semua model yang dihasilkan telah habis dijual melainkan satu model sahaja.

Dr. Ahmad Syahid menjelaskan bahawa penghasilan jam yang berkualiti dengan harga yang berpatutan menjadi antara sebab utama jam tangan hasil keluaran MASA Horlogerie mendapat permintaan yang tinggi walaupun baru bertapak dalam industri ini.

“Memandangkan jam tangan MASA Horlogerie menggunakan komponen-komponen buatan Swiss sepenuhnya dan memenuhi piawaian Swiss Made yang ketat, kualitinya setanding dengan beberapa nama besar dalam industri jam tangan Switzerland,” kata Dr. Ahmad Syahid.

Setiap jam tangan yang dihasilkan mempunyai elemen, kelainan dan penceritaan masing-masing. Koleksi terbaru MASA Horlogerie iaitu Kerabat Series akan diperkenalkan pada November 2016 di pameran jam tangan dan barang kemas mewah ‘A Journey Through Time’. Koleksi tersebut menampilkan model istimewa yang diinspirasikan dari sejarah keris Taming Sari sebagai penghargaan kepada kekayaan warisan rakyat Malaysia dan menaikkan nama dan warisan negara di mata dunia melalui industri horologi.

...